

02/05/2000

Perjuangan GPMS masih perlu: PM

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bangsa yang terpelajar dan bijak saja tidak cukup untuk mencapai kejayaan bagi kaum bangsanya, jika mereka tidak bersatu padu.

Perdana Menteri berkata, pendapat bahawa orang Melayu terutama pelajar tidak perlu lagi berjuang bersama mengeratkan perpaduan selepas negara mencapai kemerdekaan dan segala kemudahan sudah disediakan, adalah salah.

"Kita belum cukup kuat dan belum terlepas daripada bahaya sehingga kita tidak lagi perlu kepada perjuangan," katanya berucap pada Malam Semarak Perjuangan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Majlis di bawah naungan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali itu adalah juga sempena sambutan jubli emas GPMS.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan Anugerah Tokoh GPMS kepada tiga pengasasnya. Mereka ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Presiden Pertama GPMS, Datuk Paduka Abdul Wahab Ariff dan bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid.

Perdana Menteri juga melancarkan Agenda 20 dan Dana GPMS. Agenda 20 ialah pelan bertindak jangka panjang yang mengandungi kesinambungan idealisme pemimpin lama untuk generasi muda yang selaras dengan falsafah pendidikan negara iaitu seiring Wawasan 2020.

Pada majlis itu, sejumlah RM1.16 juta dikumpul untuk Dana GPMS, membabitkan sumbangan tunai RM100,000 daripada seorang individu dan 20 biasiswa serta 200 cermin mata daripada England Optical.

Dr Mahathir berkata, GPMS masih relevan kepada perjuangan untuk bangsa dan berharap ia dapat meneruskan perjuangan serta memberi penjelasan kepada pelajar Melayu di seluruh negara.

"Kita mahu supaya penuntut sedar bahawa kita belumpun mencapai matlamat, walaupun kita berjaya sedikit dan hari ini orang lebih kenal orang Melayu, lebih kenal Malaysia.

"Tetapi kita belum menjadi satu bangsa yang cukup kukuh dan tidak perlu lagi kepada perpaduan, tidak perlu lagi berjuang serentak bersama untuk memajukan kaum bangsa sendiri.

"Pendapat bahawa kita tidak perlu lagi berjuang bersama adalah salah. Kita masih memerlukan perpaduan di kalangan kita. Sejak awal lagi iaitu di bangku sekolah, sehingga ke universiti, kita tidak boleh lupa bahawa perpaduanlah kekuatan kita," katanya.

Katanya, sebab itu beliau harap mereka yang masih mempunyai kepercayaan kepada GPMS akan terus memberi kepercayaan itu bahkan akan lebih aktif di dalamnya.

Beliau berkata, GPMS diperlukan untuk memperingati ramai daripada pelajar bahawa kejayaan tidak datang bergolek atau melayang tetapi ia hasil perpaduan yang diterokainya lebih 50 tahun dahulu.

"Saya berdoa GPMS akan terus wujud, aktif dan terus menyumbang kepada usaha kita untuk menjadi bangsa yang mulia, dihormati oleh seluruh dunia," katanya.

Berbanding pertubuhan lain, beliau berkata, GPMS masih terus wujud walaupun ia lahir sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi.

Dr Mahathir berkata, pada ketika itu pelajar sukar mendapat biasiswa dan bilangannya pula tidak ramai di universiti atau kolej perubatan, sehingga penuntut Melayu menjadi golongan minoriti.

"Ketika itu, mereka juga rasa tertekan dan terhimpit tetapi mereka

percaya hanya dengan bersatu padu boleh menangani rintangan itu. Dengan itu, tertubuhlah GPMS dengan tujuan untuk membantu pelajar mengadakan kelas tuisyen supaya mencapai kejayaan sama seperti pelajar lain.

"Namun apabila kita merdeka, membentuk kerajaan sendiri, universiti memberi kouta (kepada pelajar Melayu), maka perasaan tertindas dan terhimpit itu sudah hilang. Mereka tiada lagi rasa terancam, menyebabkan kerenggangan hubungan antara pelajar.

"Pelajar sekarang sudah berasa tidak perlu lagi kepada perpaduan dan tidak perlu lagi kepada pertolongan. Oleh itu, semakin maju negara, semakin renggang jarak antara pelajar," katanya.

Sementara itu, Suhaimi dalam ucapannya, meminta semua ahli gabungan itu memahami dan menghayati kandungan Agenda 20 GPMS yang mengandungi falsafah, kenyataan misi serta ciri generasi muda Melayu baru.

Katanya, dalam alaf baru generasi muda Melayu perlu memiliki disiplin dan ilmu, tidak lemah semangat, terus berusaha, yakin dengan kebolehan diri dan terus belajar.

Suhaimi juga berkata, walaupun tamadun Melayu masih baru berbanding bangsa lain, bangsa Melayu kini dihormati dan diiktiraf semua bangsa di dunia ini hasil perjuangan yang dicetuskan Perdana Menteri.

"Hari ini kita berjaya tegak dan segak sebagai bangsa Melayu yang punyai harga diri dan nama Malaysia cukup dikenali di pentas antarabangsa.

"Ini adalah hasil perjuangan Dr Mahathir ... untuk ini GPMS akan terus menyalakan obor idealisme perjuangan Dr Mahathir selama-lamanya," katanya.

(END)